

## Epistemologi Sains Halal: Kajian Ayat-Ayat Al-Qur'an Terpilih

Shahirah binti Said<sup>\*</sup>, Mohd Shukri bin Hanapi

Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang,  
Kampus Permatang Pauh, 13500 Permatang Pauh, Pulau Pinang, Malaysia

\*Corresponding author: shahirah4572@uitm.edu.my

### Article history:

Received: 9<sup>th</sup> August 2018 | Received in revised form: 28<sup>th</sup> August 2021 | Accepted: 20<sup>th</sup> December 2021 | Published online: 1<sup>st</sup> January 2022

### Abstract

Epistemology is one of the topics of discussion in the hierarchy of knowledge that has substantiated the strength of references and sources of knowledge, which also includes the field of halal science. More focused, epistemology of halal science put the Qur'an and Hadith as the main reference, while continuing to perform empirical studies. This also coincides with the demands of thinking as stated in the Qur'an. Advances in halal science have been focused on ensuring that all human beings benefit from halal products as much as possible. There are many studies from time to time not only to meet the demands of progress during the industrial revolution 4.0 but at the same time to meet the high demand for halal products. The focus on developments in the field of halal science is to ensure that all of humankind obtains the maximum benefit possible from halal products. For example, the production of genetically modified food (GMF), modern plant biotechnology and use of technology, such as stunning dan thoracic sticking when slaughtering livestock in the abattoir. Thus, the questions are whether the effects of development in science and technology are beneficial to humankind as well as what is the epistemology for halal science. Considering that these issues involve Muslims, hence, this study referred to the al-Qur'an as its ultimate source. Therefore, this working paper had two objectives. First, to identify the concept of halal science and second, to analyse selected verses of the al-Qur'an concerning the epistemology of halal science. This library study found that verses in the al-Qur'an had discussed the importance of divine revelation in halal science. Some had explained the limitations of the human mind. Hence, humankind needs to return to the al-Qur'an as the main reference besides accepting the role of the human mind in interpreting the problems of the ummah. Thus, divine revelation holds the highest position in Islamic epistemology.

**Keywords:** Epistemology, Halal Science, Selected Verses Of al-Qur'an

### Abstrak

Epistemologi merupakan salah satu perbincangan hierarki ilmu yang membuktikan kekuatan rujukan dan sumber ilmu. Hal ini termasuklah bidang ilmu sains halal. Secara lebih terfokus, epistemologi sains halal meletakkan al-Qur'an dan hadis sebagai rujukan utama di samping terus melakukan kajian-kajian empirikal. Hal ini juga bertepatan dengan tuntutan berfikir seperti yang dinyatakan dalam al-Qur'an. Kemajuan bidang sains halal telah diberi tumpuan bagi memastikan seluruh manusia mendapatkan manfaat produk halal semaksimal mungkin. Terdapat banyak kajian dari semasa ke semasa bukan sahaja bagi memenuhi tuntutan kemajuan semasa revolusi industri 4.0 tetapi dalam masa yang sama memenuhi permintaan yang tinggi terhadap produk halal. Sebagai contoh, penghasilan makanan ubah suai genetik, bioteknologi moden tumbuhan dan penggunaan teknologi seperti *stunning* dan *thoracic sticking* untuk membantu pihak pengeluaran rumah sembelih. Namun timbul persoalan, apakah kesan perkembangan sains dan teknologi tersebut memberi manfaat kepada manusia? Apakah epistemologi bagi bidang sains halal tersebut? Memandangkan isu ini melibatkan orang Islam maka kajiannya perlu dirujuk kepada al-Qur'an. Oleh itu, makalah ini mempunyai dua objektif. Pertama, mengenal pasti konsep sains halal dan kedua menganalisis ayat-ayat al-Qur'an terpilih mengenai epistemologi sains halal. Kajian secara kepustakaan ini mendapati terdapat ayat al-Qur'an yang membincangkan kepentingan wahyu dalam sains halal. Secara tidak langsung wahyu juga menonjolkan keterbatasan akal manusia. Justeru manusia perlu kembali kepada al-Qur'an sebagai rujukan utama di samping tidak menolok peranan akal manusia dalam menginterpretasikan masalah ummah. Namun kedudukan wahyu adalah yang tertinggi dalam epistemologi menurut Islam.

**Kata kunci:** Epistemologi, Sains Halal, Ayat al-Qur'an Terpilih

### 1.0 PENGENALAN

Perkembangan sains dan teknologi memberi impak terhadap kehidupan manusia seperti pendidikan, perubatan, ekonomi, sosio-budaya dan lain-lain lagi. Begitu juga dengan industri halal. Semakin berkembang sains dan teknologi, semakin meningkat kapasiti, kualiti serta keboleh pasaran industri sains halal, sekali gus menyebabkan pengguna lebih berkeyakinan mendapatkan produk halal tersebut. 'Halal' sendiri mempunyai piawaian yang tinggi. Bagi mendapatkan kelulusan pawaian halal sama ada secara syarie atau undang-undang sebenarnya melambangkan kualiti, kebersihan dan keselamatan serta jaminan keselamatan (Hairol Ariffein Sahari, 2018). Justeru, pembangunan industri sains halal bukan sahaja berkait rapat dengan tuntutan menghasilkan produk halal bagi kegunaan masyarakat, tetapi juga perlu mempamerkan nilai-nilai Islam. Pembangunan industri sains halal juga perlu diteliti secara menyeluruh dan mendalam serta

mengambil kira aspek yang paling tunjang iaitu falsafahnya (Azizan Ramli, Mazlin Mokhtar, Tuan Sidek Tuan Muda & Badhrulhisham Abdul Aziz, 2016:92-93).

Ketinggian pemikiran sains ketika zaman keagungan Islam berkait rapat dengan epistemologi Islam yang meletakkan kesatuan dan kesepaduan ilmu ke arah mentauhidkan Allah SWT (Mat Rofa Ismail, 2006:41). Malah kehidupan manusia pertama iaitu Nabi Adam a.s telah bermula daripada bimbingan ilmu dari langit. Ekoran daripada itu tamadun Islam bermula (Osman Bakar, 2008:130-131). Ketika itu wahyu terus diangkat sebagai sumber rujukan bagi membangunkan ketamadunan. Walaupun peranan wahyu penting dan besar namun Islam tidak menolak peranan akal dalam memberi sumbangan terhadap masyarakat. Namun, akal harus berpandukan kepada perintah wahyu dan tauhid kepada Allah SWT (Alias Azhar, 2010:44-45 dan Mohd Farid Mohd Shahrhan, 2015:88).

Hal ini juga bertepatan dengan bidang sains halal. Bagi mendepani isu kontemporari yang semakin mencabar, dunia Islam pada hari ini memerlukan ijihad daripada ulama bagi menyelesaikan isu-isu baru yang melibatkan kebaikan orang Islam (Saadan Man, 2012:45). Antara contoh isu tersebut seperti risiko bioteknologi dalam tumbuhan (Latifah Amin et.al, 2011), penyembelihan halal dengan menggunakan mesin, penggunaan bulu atau *lecithin* yang berasaskan sumber haiwan atau manusia, penggunaan unsur khinzir dan derivatifnya dalam pelbagai produk (Nurrulhidayah A. Fadzillillah, Yaakob Che Man et. al, 2012), alkohol (arak dan etanol) dalam makanan (A Anis Najiha dan W.A. Wan Nadiyah, 2014) serta lain-lain lagi. Menurut Mohammad Aizat Jamaludin, et. al (2011), dalam menghadapi permasalahan dan kebaikan masyarakat tersebut, perkaedahan sains halal sangat membantu terutamanya dalam proses penetapan hukum (Saadan Man, 2013; Mohammad Aizat Jamaluddin dan Mohd Anuar Ramli, 2013; Danial Zainal Abidin, 2003).

Justeru, para pengkaji, pengusaha industri, ahli akademik serta pemerintah telah menyedari peranan mereka tentang kepentingan sains halal bersumberkan wahyu. Kesedaran mereka dalam hal tersebut mencetuskan gerak kerja yang sungguh-sungguh demi kepentingan umat Islam sejagat (Zulkifli Mohamad al-Bakri, 2007a dan Lokman Ab Rahman, 2013). Seiring dengan hal tersebut, kertas kerja ini mempunyai dua objektif iaitu pertama, mengenal pasti konsep epistemologi sains halal dan kedua menganalisis ayat-ayat al-Qur'an terpilih mengenai epistemologi sains halal. Bagi mencapai kedua-dua objektif tersebut, kertas kerja ini terbahagi kepada empat bahagian pertama, pengertian epistemologi sains halal. Kedua; ayat-ayat terpilih mengenai epistemologi sains halal. Ketiga; analisis ayat-ayat terpilih mengenai epistemologi sains halal dan keempat, kesimpulan keseluruhan kertas kerja dilakukan.

## ■2.0 PENGERTIAN EPISTEMOLOGI SAINS HALAL

Bagi memudahkan perbincangan, kertas kerja ini membahagikan pengertian epistemologi sains halal secara berasingan mengikut dua istilah iaitu epistemologi dan sains halal. Seterusnya merumuskan pengertian yang diguna pakai dalam kertas kerja ini.

Epistemologi ini berasal daripada dua perkataan Yunani iaitu *episteme* dan *logos*. *Episteme* bermaksud *knowledge* atau ilmu pengetahuan. Manakala *logos* pula bermaksud teori atau kajian (Blackburn, 1996:123; Muhyar Fanani, 2009:15 dan Roziyah Sidik, Zulkarnain Mohamed & Nasruddin Yunos, 2011:47). Ia membincangkan secara mendalam tentang proses-proses yang membawa kepada penambah ilmu pengetahuan (Roziyah Sidik, Zulkarnain Mohamed & Nasruddin Yunos, 2011:47). Perkara ini disebut juga sebagai *nazariyyat al-ma'rifat*<sup>1</sup> (Mutahhari, 2011:1; Hussein al-Kaff, t.t. dan Mohd Radhi Ibrahim, 2003:1).

Dalam membincangkan tentang epistemologi Islam ini, terdapat sebilangan penulis seperti Sudin Haron (1996:145-146), Muhammad Syukri Salleh (2003a:20-21), Sidek Baba (2006:186-187), dan Hamid Fahmy Zarkasyi (2007) yang memfokuskan perbincangan kepada aspek sumber. Mereka menyatakan epistemologi Islam itu terdiri daripada dua sumber utama iaitu naqli (wahyu) dan 'aqli (ijihad). Sumber *naqli* ialah al-Qur'an atau *al-wahy al-matlu* (wahyu yang dibacakan) dan *al-Sunnat* atau *al-wahy ghayr al-matlu* (wahyu yang tidak dibacakan). Kedua-duanya dikenali juga sebagai *al-adillat al-qat'iyyat* (bukti yang tidak boleh dipertikaikan kebenarannya). Manakala sumber 'aqli pula, terutamanya yang telah disepakati ialah *al-ijma'* dan *al-qiyas*. Kedua-duanya dikenali juga sebagai *al-adillat al-ijtihadiyyat* (pandangan yang didapati melalui kesungguhan berfikir).

Seterusnya, Sidek Baba (2006:186-187) pula memfokuskan perbincangan kepada aspek tunjang epistemologi Islam. Beliau menyatakan terdapat empat perkara yang menunjangi epistemologi Islam itu. Tunjang yang paling utama ialah akidah, manakala tunjang-tunjangnya yang lain ialah ibadah, akhlak dan syari'at (perundangan).

Ziauddin Sardar (1990:89) menyatakan epistemologi adalah teras utama bagi sebarang pandangan hidup. Berdasarkan pandangan Ziauddin Sardar (1990) inilah Syed Muhammad Naquib Al-Attas (1995:4) dan Sidek Baba (2006:192) menyatakan daripada epistemologi Islam inilah tasawur dalam Islam itu terbentuk. Dengan itu ia menjadi lebih sepadu dan bersifat fitrah. Di samping itu juga, dengan memiliki asas epistemologi yang kukuh ini telah menyebabkan tasawur dalam Islam itu jauh berbeza dengan tasawur dalam perspektif lazim. Tasawur dalam perspektif lazim itu berdasarkan pada materialisme dan idealisme yang didukung oleh empirisme, rasionalisme, realisme, nominalisme, dan pragmatisme.

Menurut Abd Rahman Abdullah (2010:96) pula, epistemologi bermaksud teori pengetahuan yang membahaskan secara terperinci berkenaan dua perkara asas iaitu pertama, sumber pengetahuan dan kedua; kebenaran atau kesahihan pengetahuan. Bagi perspektif Islam, sumber wahyu merupakan sumber pengetahuan terpenting dan diyakini kebenarannya. Manakala sumber-sumber lain masih boleh dipersoalkan kebenarannya. Hal ini senada dengan Noor Hisyam Md Nawi dan Nurul Hudani Md Nawi (2017:75-76) yang menyatakan, wahyu bersifat maksud dan terpelihara. Wahyu juga berperanan untuk menjaga dan memelihara syariat Islam. Ibrahim Abu Bakar (2017:19) pula merumuskan daripada karya Ibnu Khaldun, terdapat dua sumber ilmu iaitu ilmu bersumberkan akal manusia dan ilmu yang bersumberkan wahyu. Akal perlu dipandu oleh wahyu. Secara lebih jelas, sumber ilmu pengetahuan atau epistemologi dalam sesebuah sains Islam khasnya meletakkan wahyu sebagai satu-satunya sumber diyakini kebenarannya. Epistemologi tersebut juga melibatkan proses perbincangan akal, pengelasan ilmu, pengkhususannya dan ruang lingkup keterbatasan akal bagi menanganinya (Ramli Awang, 2003:66).

<sup>1</sup> Penggunaan istilah *nazariyyat al-ma'rifat* ini sebenarnya masih belum begitu luas atau diterima secara universal lagi dalam dunia Islam. Selain digunakan oleh Mutahhari (2011) menerusi karyanya *The Theory of Knowledge an Islamic Perspective* (karya asal *Mas'aleh-ye Sbinakbi*), Husein al-Kaff (t.t.) menyatakan, ia juga digunakan oleh beberapa penulis lain seperti Jawad Amuli (t.t.) menerusi karyanya *Nazariyyat al-Ma'rifat*, Ja'far Subhani (t.t.) menerusi karyanya *Nazariyyat al-Ma'rifat* dan Muhammad Baqir Shadr (t.t.) menerusi karyanya *Falsafatuna*. Sirajudin Zar (2004:6) pula merujuk epistemologi sebagai *al-Ma'rifat* dengan memetik tulisan 'Umar Muhammad al-Tawmiyy al-Syibani yang berjudul *Muqaddimat fi al-Falsafat al-Islamiyyat* (1976:30-31).

Seterusnya, ungkapan sains halal pula terbina dari dua istilah iaitu sains dan halal. Sebelum dijelaskan maksud sains halal, terlebih dahulu dinyatakan maksud sains dan halal secara berasingan. Secara umumnya, sains berfungsi sebagai alat untuk mencari kebenaran tentang alam semesta dan sains juga dianggap dapat mengukuhkan keimanan kepada penganutnya. Secara lebih terperinci, Mohd Yusof Othman (2009:45) menyatakan bahawa, matlamat asas sains dibangunkan adalah demi memastikan ia memberi kesejahteraan kepada manusia. Maka terbangunlah dunia ini dengan aktiviti saintifiknya. Namun begitu, aktiviti tersebut bukan sahaja proses memastikan manusia dapat memahami alam tabii dan mengambil manfaat daripadanya semata-mata, tetapi manusia juga perlu berusaha mencapai kedamaian dan keharmonian diri atas tanggungjawab dan sedar diri terhadap Tuhannya. Osman Bakar (2008:81) pula, meletakkan tiga asas utama dalam mencapai matlamat asas tersebut iaitu akal manusia, alam semesta dan al-Qur'an dalam menggarap wahyu Allah SWT.

Sains menurut Islam pula, bermaksud satu proses yang menjelaskan fenomena alam dengan menggunakan kaedah tertentu yang bersifat saintifik tetapi tidak melangkaui hakikat tauhid Allah SWT (Mohd Yusof Othman, 1996:69). Menurut Ziauddin Sardar (1992:55) dan Seyyed Hossein Nasr (2008), sains Islam merupakan aktiviti-aktiviti tertentu yang digunakan untuk mencari kebenaran dan penyelesaian masalah. Semuanya perlu beroperasi dalam struktur nilai-nilai Islam yang tersendiri. Ini bermakna matlamat, alat, kaedah dan proses haruslah bercirikan Islam. Oleh itu, sains merupakan salah satu alat bagi mengenal kekuasaan Tuhan tetapi bukan Tuhan yang dapat dijelaskan dengan menggunakan sains (Cemil Akdogan, 2008:201 dan Ramli Awang, 2003:4-5).

Selanjutnya, lafaz 'halal' bermaksud keluar daripada hukum haram (Ibn Manzur dan Jamal-al-Din Muhammad Ibnu Mukarram al-Ansari (t.t))<sup>2</sup>. Manakala halal secara umumnya menurut ulama muktabar seperti al-Ghazali (1988:530), Ibn Kathir (2003:468) al-Qutb (2000:128), Hamka (1990:3977) dan Ahmad bin Qudimah al-Maqdisi (2005:170) bermaksud, halal yang merangkumi perkara yang baik-baik sahaja. Seterusnya membawa manfaat kepada fizikal seseorang dan agamanya. Ia bertentangan dengan konsep haram iaitu terdapat padanya unsur yang buruk dan keji yang memberi kesan kepada agama dan fizikal seseorang. Namun begitu Hamka (1990:3977) menjelaskan lagi bahawa sesuatu yang halal tersebut juga merangkumi padanya sumber yang baik, iaitu bukan dicuri dan dirompak, bukan daripada menipu dan merugikan orang lain. Yusuf al-Qaradhawi (2015:xiix) pula menjelaskan dengan lebih terperinci halal daripada konsep fiqh, iaitu halal yang bermaksud sesuatu perkara yang diharuskan dan telah gugur daripadanya ikatan haram dan syariat membenarkannya. Ibn Kathir (2003) pula, menjelaskan perkaitan halal dengan *tayyiba*. *Tayyiba* membawa maksud baik, bermanfaat dan elok dari segi tabiat dan syarak. Ia merangkumi dua perkara, iaitu soal fizikal dan kerohanian yang mesti selari dengan syariat dan disertai dengan keikhlasan kepada Allah SWT. Secara lebih terfokus, halal dan *tayyiba* yang digunakan dalam kajian ini merujuk kepada produk halal atau bahan gunaan yang dibenarkan oleh syarak. Halal dan tersebut juga harus meliputi semua aspek termasuk dalam proses penyediaan, sumber serta kesan penggunaannya dalam masyarakat. Bagi memenuhi tuntutan kajian ini maka perbincangan pengertian sains halal secara sepadu adalah penting.


Apabila ungkapan sains dan halal digabungkan maka terbentuklah istilah sains halal yang lebih khusus. Akademi Sains Malaysia (2019) menjelaskan, sains halal merujuk kepada pengetahuan halal yang diperoleh secara kajian yang sistematik seperti pemerhatian, eksperimental bagi menerangkan serta menjelaskan fenomena semula jadi mengenai praktis halal. Kebiasaannya, penyelidikan secara saintifik ini melibatkan isu-isu penetapan hukum yang bersifat semasa dan kontemporari. Selain aktiviti penyelidikan, sains halal juga merangkumi proses pengeluaran, pemprosesan, pembungkusan, pengeluaran, pengagihan serta peringkat akhir produk halal yang sampai kepada pengguna (Saadan Man, 2013, Mohammad Aizat Jamaluddin & Mohd Anuar Ramli, 2013). Manakala produk halal yang dimaksudkan dalam artikel ini adalah merujuk kepada makanan, minuman, farmasuetikal, alat kosmetik serta bahan gunaan lain. Semua produk ini melibatkan kajian sains dan teknologi sama ada secara langsung atau tidak langsung.

### ■3.0 AYAT-AYAT AL-QUR'AN TERPILIH

Bagi mengenal pasti ayat-ayat berkenaan epistemologi sains halal, kertas kerja ini menggunakan tema halal yang terdapat padanya empat istilah iaitu halal, *tayyiba*, *kulu* dan *isyrahu*. Kemudian ayat-ayat tersebut dianalisis bagi mengenal pasti elemen epistemologi yang terdapat ayat tersebut. Hal ini bertetapan dengan kaedah *al-Mawdu'iy* iaitu pengenalanpastian ayat-ayat al-Qur'an berdasarkan tema sesuatu kajian. Setelah analisis dilakukan, terdapat 12 ayat al-Qur'an berkenaan epistemologi sains halal. Rajah 3.1 tersebut merupakan tafsiran ringkas setiap ayat al-Qur'an.

<sup>2</sup> Saadan Man dan Zainal Abidin Yahya (2014:17).

Rajah 3.1: Output PAV8- Tafsiran Ringkas Epistemologi Sains Halal Dalam Al Qur'an



4.0 METODOLOGI

Makalah ini menggunakan kajian berbentuk kualitatif yang menggunakan data sekunder sebagai rujukan dan penganalisan. Secara lebih terperinci, terdapat lima langkah yang dilakukan dalam kaedah penganalisan kajian ini. Pertama, mengenal pasti dan menghimpunkan ayat-ayat al-Qur'an yang terdapat padanya tema halal berdasarkan empat istilah iaitu halal, *tayyiba*, *kulu* dan *isyrahu*. Kedua, menyusun ayat-ayat tersebut mengikut kronologi turunnya ayat. Bagi memudahkan kefahaman, sebaiknya diketahui sebab dan penjelasan mengenai penurunan ayat-ayat yang dikaji tersebut. Ketiga, menganalisis ayat-ayat tersebut dengan merujuk kitab-kitab tafsir muktabar serta hadis-hadis Rasulullah SAW. Keempat, merujuk pandangan para sarjana Islam yang terdiri daripada kumpulan tradisional dan kontemporari. Hal ini bagi menjelaskan lagi isi tersurat dan tersirat mengenai epistemologi sains halal. Langkah terakhir pula melibatkan proses merumuskan keseluruhan hasil perbincangan dengan sistematik

Antara kitab tafsir yang dirujuk dalam kajian ini ialah *Al-Tafsir al-Tabariy al-Musamma Jami' al-Bayan fi Ta'wil al-Qur'an* karangan al-Tabariy, *Al-Jami' li Ahkam al-Qur'an* karangan al-Qurtubiy, *Tafsir al-Qur'an al-'Azim* karangan Ibn Kathir, *Fi Zilal al-Qur'an* karangan Sayyid Qutb, Tafsir al-Azhar karangan Abdul Malik Karim (HAMKA), *Al-Tafsir al-Munir fi al-'Aqida wa al-Syari'at wa Manhaj* oleh al-Zuhayliy, *Tafsir al-Maraghiy* oleh Ahmad Mustafa al-Maraghiy dan Tafsir Al-Misbah oleh M.Quraish Shihab.

5.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Analisis Ayat Al-Qur'an Terpilih

Hasil penganalisan terhadap 12 ayat dalam Rajah 5.3 tersebut, terdapat empat perkara utama yang telah dikenal pasti melalui tema ini. Pertama, Rasulullah SAW dalam menyampaikan wahyu Allah SWT. Kedua, terdapat panduan dan sumber hukum wahyu Allah SWT untuk manusia. Ketiga, fungsi akal dan hati dalam memahami wahyu Allah SWT. Penjelasan terperinci mengenai tiga perkara tersebut dalam bahagian berikutnya:

5.1 Rasulullah SAW dalam Menyampaikan Wahyu Allah SWT

Pensyariatan makanan yang halal atau haram bertujuan mengeluarkan manusia daripada pengaruh jahiliah serta kembali kepada aturan hidup Islam yang lebih sempurna. Hal ini seperti yang dinyatakan oleh Allah SWT dalam ayat berikutnya yang bermaksud:

“Iaitu orang yang mengikut Rasulullah Nabi yang Ummi, yang mereka dapati tertulis di dalam Taurat dan Injil yang ada di sisi mereka. Ia menyuruh mereka mengerjakan yang baik, dan melarang yang keji; dan ia menghalalkan bagi mereka yang baik-baik, dan mengharamkan yang buruk; dan ia menghapuskan dari mereka beban-beban dan belunggu-belunggu yang ada pada mereka. Maka orang yang beriman kepadanya, dan memuliakannya, juga menolongnya, serta mengikut nur (cahaya) yang diturunkan kepadanya (al-Qur'an), mereka itulah orang yang berjaya. Katakanlah: Wahai sekalian manusia! Sesungguhnya Aku adalah Pesuruh Allah kepada kamu semuanya, (diutus oleh

Allah) yang menguasai langit dan bumi, tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia; Yang menghidupkan dan mematikan. Oleh itu, berimanlah kamu kepada Allah dan Rasul-Nya, Nabi yang Ummi yang beriman kepada Allah dan Kalimah-kalimah-Nya (Kitab-kitab-Nya); dan ikutilah dia, supaya kamu beroleh hidayah petunjuk” (al-A’raf, 7:157-158).

Umumnya, terdapat empat perkara yang ada pada Rasulullah SAW berdasarkan ayat al-A’raf (7:157-158) ini iaitu pertama, rasul maksudnya seseorang yang diutus oleh Allah SWT untuk menyampaikan beban-beban syariat; kedua, Orang Yahudi mengenal Rasulullah SAW seperti anak mereka sendiri kerana telah tertulis mengenai dalam Taurat dan Injil; dan ketiga, peranan Rasulullah SAW memerintahkan kepada yang makruf dan melarang yang mungkar. Oleh itu, mustahil bagi Rasulullah SAW untuk menyampaikan sesuatu yang memudaratkan atau tidak elok. Keempat, Baginda menghalalkan yang haram seperti unta daripada jenis Bahirat, Sa’ibat, Wasilat, dan Ham. Dalam pada itu baginda juga mengharamkan yang halal iaitu seperti bangkai, babi dan darah yang dianggap sebagai ‘khaba’ith’. Al-Zuhayliy (2009g:134) memetik pandangan Ibn ‘Abbas mengatakan lafaz ‘khaba’ith’ bermaksud sesuatu yang jijik dan kotor. Selain makanan, Rasulullah SAW melarang pemilikan harta secara tidak sah seperti riba, rasuah, merampas dan khianat. Kelima; baginda juga menghilangkan syariat yang membebaskan serta menonjolkan Islam agama yang toleransi (al-Tabariy, 2001:488 dan 498; Ibn Kathir, 1998:439 dan al-Zuhayliy, 2009:126).

Kedatangan Rasulullah SAW bertujuan memudahkan urusan kehidupan seharian dan termasuklah usaha untuk mendapatkan makanan halal dan menghindari makanan yang haram. Sebahagian ulama menyatakan, setiap makanan yang halal adalah untuk pelbagai manfaat, manakala makanan yang diharamkan oleh Allah SWT adalah memudaratkan, bukan sahaja untuk manusia tetapi untuk agama (al-Tabariy, 2001:488, Ibn Kathir, 1998:439 dan M.Quraish Shihab, 2002:259). Memetik ringkasan akhlak dan adab Rasulullah SAW ketika makan menurut Imam al-Ghazaliy adalah seperti berikut:

“Baginda makan apa-apa sahaja yang ada. Makanan yang paling disukai adalah makanan yang dimakan oleh ramai orang”.

Begitu juga dengan hadis berikut yang bermaksud:

Dari Abu Hurairah r.a., katanya: Rasulullah saw. tidak pernah mencela makanan. Kalau senang beliau makan, dan kalau tidak senang beliau biarkan saja. (Riwayat Abu Hurairah, No Hadis 1634)

Berdasarkan kenyataan tersebut jelas Rasulullah SAW menunjukkan keterbukaan Baginda dalam soal makan dan terdapat makanan yang Rasulullah SAW berhati-hati dengannya. Namun apa yang lebih penting Rasulullah SAW menunjukkan contoh yang sebenarnya lebih memudahkan manusia.

Menurut Maad Ahmad, Muhammad Yosef Niteh dan Mohd Rofaizal Ibhraim (2017), pengutusan Rasulullah SAW ini menunjukkan keterbatasan akal manusia yang tidak dapat membezakan baik dan buruk secara mutlak tanpa berpandukan wahyu Qur’an dan hadis Rasulullah SAW. Contohnya pengharaman makan babi dan minum arak, larangan makan sembelihan bukan atas nama Allah SWT dan lain-lain yang boleh dijelaskan oleh akal, tetapi terdapat sebaliknya. Sebagai orang yang beriman dan berpegang kepada tauhid, semua pensyariatan yang disampaikan melalui rasul-Nya diterima dan diamalkan (M.Quraish Shihab, 2003c:259). Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

Daripada Abu Hurairah r.a, Baginda bersabda yang bermaksud: "Biarkanlah aku dengan apa yang aku tinggalkan kepada kamu semua. Sesungguhnya telah binasa orang yang sebelum kamu tidak lain kerana banyak persoalan dan perselisihan mereka terhadap nabi-nabi mereka. Maka apabila aku melarang kamu daripada sesuatu urusan, jauhilah ia dan apabila aku memerintahkan kamu dengan suatu urusan, lakukanlah sekadar yang termampu." (Riwayat Bukhari, No.Hadis: 7288)

“Sampaikanlah berita gembira dan janganlah kalian membuat orang lari. Berikanlah kemudahan dan janganlah mempersulit, serta hendaklah kalian saling bersepakat dan janganlah berselisih”.

Hadis ini menjelaskan tujuan dan peranan Rasulullah SAW dalam menyampaikan wahyu Allah SWT. Baginda membetulkan, meluruskan yang bengkok serta mencadangkan pilihan yang baik (al-Qardhawi, 2015:13). Menurut Ibn Abi ‘Usaybi’at (1882) Peranan Rasulullah SAW sebagai guru pertama bagi umat Islam, boleh dibuktikan apabila umat Islam mula menjadikan rumah al-Arqam bin Abi al-Arqam sebagai tempat berkumpul bagi mendapatkan ilmu serta memahami wahyu Allah SWT. Selain itu, rumah ulama dan pemikir sains Islam iaitu Ibnu Sina juga dijadikan tumpuan dalam proses mendapatkan ilmu pengetahuan (Alias Azhar, 2010).

Seterusnya dalam surah al-A’raf (7:157) juga diakhiri lafaz cahaya ‘nur’ yang bermaksud al-Qur’an, wahyu dan Islam. Manusia akan beroleh untung di dunia dan akhirat sekiranya melaksanakan perkara yang terdapat dalam al-Qur’an (al-Tabariy, 2001:488 dan Ibn Kathir, 1998:440). Selain wahyu perkataan ‘nur’ juga berkait rapat dengan kenabian kerana al-Qur’an diturunkan bersama malaikat Jibril. Oleh itu bersama dengan al-Qur’an adalah kenabiannya (al-Zuhayliy, 2009:125). Menurut Wan Zailan Kamaruddin Wan Ali (1997:2), dari aspek sains kemasyarakatan Rasulullah SAW memainkan peranan yang penting seperti yang telah dijelaskan dalam al-Qur’an iaitu pertama, pemberi ancaman; kedua, pemimpin umat; ketiga; pembawa berita gembira; keempat, menjadi saksi kepada umat; dan kelima, pemberi peringatan.

Justeru, mereka yang bersama dengan al-Qur’an dan risalah yang disampaikan oleh Rasulullah SAW bukan sahaja menyelamatkan manusia daripada faktor fizikal seperti sihat tubuh badan, sempurna amalan dan peribadatan tetapi dijamin mereka adalah ialah orang yang bahagia dan menang (al-Maraghiy, 2001:2421).

## 5.2 Wahyu sebagai Panduan dan Sumber Hukum

Dalam pada itu, tuntutan mendapatkan rezeki yang halal juga berkait rapat dengan kepercayaan manusia dengan perintah Allah SWT seperti yang dinyatakan dalam ayat berikut yang bermaksud:

“Maka makanlah daripada (binatang-binatang halal) yang disebut nama Allah ketika menyembelihnya, jika betul kamu beriman kepada ayat-ayat-Nya” (al-An’am, 6:118)

Selain para pentafsir membincangkan kewajiban menyembelih bintang yang halal dimakan dengan menyebut nama Allah SWT, ayat ini juga membuktikan tahap keimanan manusia dengan mematuhi perintah-Nya (Qutb, 2003:1196-1197). Menurut al-Tabariy (2001i:511), dan M.Quraish Shihab (2002f:260) seseorang itu perlu beriman dengan petunjuk yang disampaikan oleh Allah SWT melalui wahyu-Nya mengenai makanan yang dibenarkan untuk makan dan sebaliknya. Membenarkan wahyu sebenarnya adalah untuk mengelakkan manusia dari tertipu dengan bisikan syaitan, sesat, mengikut hawa nafsu, kurang ilmu pengetahuan dan lain-lain lagi. Selain itu, ayat ini juga membimbing manusia agar tidak ragu-ragu dengan perintah Allah SWT (M.Quraish Shihab, 2002f:260-261). Petunjuk Allah SWT bukan sahaja membimbing manusia tetapi mengelakkan manusia berselisih faham. Hal ini dinyatakan Allah SWT dalam surah Yunus (10:93) yang bermaksud:

“Dan sesungguhnya Kami telah menempatkan Bani Israil di negeri yang baik (sesudah Kami binasakan Fir’aun), dan Kami mengurniakan mereka dengan benda-benda yang baik. Maka mereka tidak berselisih (mengenai Nabi Muhammad melainkan) setelah datang kepada mereka pengetahuan (dari bukti-bukti yang nyata). Sesungguhnya Tuhanmu akan menghukum di antara mereka pada hari Kiamat tentang apa yang mereka perselisihkan itu” (Yunus, 10:93).

Menurut al-Maraghiy (2001e:3110) dan al-Zuhayliy (2016c:249-250), ayat ini berkenaan kaum Yahudi yang sering berselisih faham. Namun, mereka tidak berselisih faham setelah datangnya ilmu pengetahuan iaitu kitab Taurat. Mereka bersatu menerima ajaran yang disampaikan terutamanya berkenaan agama dan kenabian Muhammad SAW. Hal ini membuktikan perselisihan faham boleh berlaku akibat kejahilan tetapi boleh dihilangkan setelah merujuk kitab atau wahyu Allah SWT.

Keyakinan terhadap perkara yang dinyatakan melalui wahyu Allah SWT bukan sahaja penting dan berperanan ketika wahyu tersebut diturunkan kepada Rasulullah SAW tetapi juga kepada para rasul yang lain. Hal ini dinyatakan dalam seperti dalam ayat berikut, firman Allah SWT yang bermaksud:

“Segala jenis makanan dahulu adalah halal bagi Bani Israil, kecuali makanan yang diharamkan oleh Israil (Nabi Yakqub) kepada dirinya sendiri sebelum diturunkan Kitab Taurat. Katakanlah (wahai Muhammad): (Jika ada makanan yang diharamkan kepada kamu - wahai Bani Israil - sebelum Kitab Taurat diturunkan) maka bawalah kamu Kitab Taurat itu kemudian bacalah akan dia, jika betul kamu orang-orang yang benar. Maka sesiapa mengadakan dusta terhadap Allah sesudah itu, maka merekalah orang yang zalim. Katakanlah: “Benarlah (apa yang difirmankan) Allah”. Maka ikutilah agama Ibrahim yang lurus dan bukanlah dia termasuk orang-orang zalim” (Ali ‘Imran, 3:93-95).

Dalam konteks ayat ini terdapat dua perkara yang dibincangkan oleh para ulama tafsir antaranya al-Tabariy (2001:577), Ibn Kathir (1998:64), al-Qurtubiy (2006c:201), Qutb (2003:433-434) dan M.Quraish Shihab (2003). Pertama, jangan berdusta sama ada yang berkait makanan yang halal dan diharamkan oleh Allah SWT atau perkara selainnya. Hal ini disebabkan kaum Bani Israel tidak mempercayai makanan yang telah dihalalkan oleh Allah SWT. Kedua, kepercayaan dan pegangan teguh terhadap apa yang disyariatkan oleh Allah SWT yang disampaikan melalui para rasul-Nya. Kaum Bani Israel terkenal dengan sikap angkuh. Begitu juga isu makanan yang diharamkan oleh Allah SWT, mereka telah menafikan tetapi tidak dapat membawa bukti seperti yang diperintahkan oleh Allah SWT. Penghujahan mereka lebih kepada dendam terhadap orang Islam di samping mengukur kebenaran perintah Allah SWT hanya dengan akal yang terbatas sahaja.

Syed Muhammad Naquib al-Attas (2007:6) menyatakan, terdapat perbezaan yang ketara antara falsafah sains moden dengan falsafah sains Islam iaitu ‘hakikat’ yang bermaksud menjadikan wahyu-Nya sebagai sumber mengenai ilmu dan kebenaran. Seterusnya, akal perlu digunakan secara bijaksana bagi memahami alam serta perlu akur kepada fungsi roh yang bermaksud perlu memenuhi adab dan akhlak yang baik (Mohd Yusof Othman, 2009:292).

Allah SWT telah mensyariatkan makanan halal dan haram dalam al-Qur’an. Segala ketetapan tersebut bukan dari logik akal para rasul dan disampaikan kepada manusia, tetapi ketetapan tersebut melambangkan kehebatan dan kekuasaan Allah SWT. Segala ketetapan tersebut bertujuan untuk manfaat manusia sepenuhnya. Antara bukti al-Qur’an merupakan kitab fiqah makanan halal dan haram dapat dijelaskan dalam ayat al-Hajj (22:28-30) yang bermaksud:

“Supaya mereka menyaksikan berbagai perkara yang mendatangkan faedah kepada mereka serta memperingati dan menyebut nama Allah SWT, pada hari-hari tertentu, kerana pengurniaanNya kepada mereka dengan binatang-binatang ternak (untuk dijadikan korban); dengan demikian makanlah kamu dari (daging) binatang-binatang korban itu dan berilah makan kepada orang yang susah, yang fakir miskin. Kemudian hendaklah mereka membersihkan dirinya dan hendaklah mereka menyempurnakan nazar-nazarnya dan hendaklah mereka tawaf akan Baitullah (kaabah) yang tua sejarahnya itu. Itulah yang wajib dipatuhi; dan sesiapa yang menghormati hukum-hukum Allah, maka yang demikian menjadi kebaikan baginya di sisi Tuhannya. Dan dihalalkan bagi kamu binatang-binatang ternak, kecuali yang dibacakan kepada kamu tentang haramnya, maka jauhilah kekotoran syirik yang disebabkan oleh berhala-berhala, serta jauhilah perkataan dusta. (al-Hajj, 22:28-30)

Berdasarkan ayat tersebut Ibn Kathir (1998:364-365) dan al-Tabariy (2001:514) menjelaskan, ayat ini menerangkan keizinan Allah SWT untuk menyembelih dan makan binatang ternak. Namun, tidak terdapat perincian berhubung jenis binatang yang boleh dimakan dan sebaliknya. Dalam pada itu, terdapat dalam ayat lain dijelaskan perihal binatang yang boleh dimakan atau dilarang. Hal ini seperti yang telah disampaikan dalam ayat berikut yang bermaksud:

Wahai orang yang beriman, penuhi serta sempurnakanlah perjanjian-perjanjian. Dihalalkan bagi kamu (memakan) binatang-binatang ternak (dan sebagainya), kecuali apa yang akan dibacakan (tentang haramnya) kepada kamu. (Halalnya binatang-binatang ternak dan sebagainya itu) tidak pula kamu boleh menghalalkan perburuan ketika kamu dalam keadaan berihram. Sesungguhnya Allah menetapkan hukum apa yang Ia kehendaki. (al-Ma'idat, 5:1)

Mereka bertanya kepadamu: Apakah yang dihalaikan bagi mereka? Katakanlah: Dihalalkan bagi kamu yang baik-baik dan (buruan) binatang-binatang pemburu yang telah kamu ajar sebagaimana yang telah diajarkan Allah kepadamu. Oleh itu makanlah dari apa yang mereka tangkap untuk kamu dan sebutlah nama Allah atasnya; dan bertakwalah kepada Allah; Sesungguhnya Allah amat cepat hitungan hisab-Nya. (al-Ma'idat, 5:4)

Pada masa ini dihalaikan bagi kamu yang baik-baik. Dan makanan (sembelihan) orang yang diberikan Kitab itu adalah halal bagi kamu, dan makanan kamu adalah halal bagi mereka. Dan (dihalalkan kamu berkahwin) dengan wanita yang menjaga kehormatan di antara wanita yang beriman, dan juga wanita yang menjaga kehormatannya daripada kalangan orang yang diberikan Kitab dahulu daripada kamu apabila kamu beri mereka mas kahwinnya, sedang kamu bernikah bukan berzina, dan bukan pula kamu mengambil mereka menjadi perempuan simpanan. Dan sesiapa yang ingkar sesudah ia beriman, maka sesungguhnya gugurlah amalnya (yang baik) dan adalah ia pada hari akhirat kelak dari orang yang rugi (al-Ma'idat, 5:5).

Dihalalkan bagi kamu binatang buruan laut, dan makanan yang didapati dari laut, sebagai bekalan bagimu dan juga bagi orang yang dalam pelayaran; dan diharamkan atasmu memburu binatang buruan darat selama kamu berihram. Dan bertakwalah kepada Allah, yang kepada-Nya kamu dihimpunkan (al-Ma'idat, 5:96).

Sebagai sumber rujukan utama bagi orang Islam, al-Qur'an juga dijadikan rujukan manusia bagi memahami pelbagai hukum fikah termasuklah makanan halal dan haram. Setelah itu barulah diperincikan melalui hadis Rasulullah SAW kemudian diikuti oleh para ulama dalam pelbagai bidang. Sebagai contoh, berdasarkan lima ayat yang dinyatakan di atas, al-Tabariy (2001e), Ibn Kathir (1998:404-405) dan al-Syanqitiy (t.t) lebih memperinci dalam aspek fiqh seperti jenis-jenis haiwan yang halal untuk dimakan, larangan ketika menunaikan haji, kewajipan sembelihan atas nama Allah SWT dan lain-lain lagi. Dalam pada itu, Qutb (2003:981-982), M.Quraish Shihab (2001), al-Maraghiy (2001) dan Hamka (1993) lebih menjurus kepada aspek sosiobudaya dan kaitannya dengan masa kini. Terdapat juga para pengkaji kontemporari terus mengkaji ayat-ayat tersebut dari pandangan sains bagi menonjolkan kehebatan ketetapan yang telah Allah SWT tetapkan. Hal ini seperti yang ditulis Yusof al-Qaradhawi (2015:66-70), Harun Yahya (2001), Maurice Bucaille (1997), Danial Zainal Abidin (2003 & 2014), Zakir Naik (2014) dan Mohamed Tawfik (2008).

### 5.3 Fungsi Akal dan Hati

Menurut dengan memahami wahyu-Nya bererti memahami keseluruhan ilmu lain di langit dan di bumi (Mulyadhi Katanegara, 2016:18). Bagi al-Ghazaliy (1939), tingkah laku dan perbuatan manusia merupakan refleksi daripada bagaimana manusia berfikir. Kaedah berfikir manusia pula bergantung kepada ilmu pengetahuan manusia dan ilmu pengetahuan pula bergantung kepada sejauh mana manusia dapat mengawal keseimbangan nafsu yang ada dalam diri manusia dengan akidah dan keimanan kepada Allah SWT.

Sungguhpun demikian, di sebalik pembuktian Allah SWT itu Maha Pencipta, terdapat aspek lain yang perlu diteliti iaitu aspek falsafah seperti firman-Nya yang bermaksud:

“Setelah mereka menyampaikan perintah Allah itu, Firaun berkata: Jika demikian, siapakah Tuhan kamu berdua, hai Musa? Musa menjawab: Tuhan Kami ialah yang telah memberikan segala sesuatu akan makhluk-Nya kemudian Ia menunjukkan akan caranya. Firaun bertanya lagi: Jika demikian, bagaimana pula keadaan kaum-kaum yang telah lalu? Nabi Musa menjawab: Pengetahuan mengenainya ada di sisi Tuhanku, tertulis di dalam sebuah Kitab; Tuhanku tidak pernah keliru dan tidak pernah lupa. Dialah Tuhan yang telah menjadikan bumi bagi kamu sebagai hamparan, dan Ia telah mengadakan bagi kamu padanya jalan-jalan lalu-lalang; dan Ia juga telah menurunkan hujan dari langit. Maka Kami keluaran dengannya berjenis-jenis tanaman dan buah-buahan yang berlainan keadaannya. Makanlah kamu dan beri makanlah binatang ternak kamu; sesungguhnya yang demikian adalah tanda kemurahan Allah bagi orang yang berakal. Dari bumilah Kami ciptakan kamu dan ke dalamnya Kami akan mengembalikan kamu, dan daripadanya pula Kami akan mengeluarkan kamu sekali lagi” (Taha, 20:49-55).

Menurut Ibn Kathir (1998:263), terdapat bukti dan hujah yang digambarkan dalam ayat ini mengenai kekuasaan Allah SWT. Antaranya diturunkan hujan dari awan yang menyebabkan suburnya berbagai-bagai jenis tumbuh-tumbuhan yang manfaatnya untuk manusia dan binatang. Kesemua nikmat yang dinyatakan dalam ayat-ayat tersebut merupakan dalil bagi orang-orang yang berakal. Hal ini sebagaimana dinyatakan hujung ayat ke 54 tersebut iaitu lafaz *لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ*

Al-Qurtubiy (2006:80) menjelaskan, lafaz *الْأَكْمَلُ* merupakan perkataan jamak yang daripada perkataan *al-'uqul* yang bermaksud 'akal'. Terdapat pelbagai maksud dalam kalangan ulama tafsir mengenai lafaz *لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ* tersebut. Menurut Ibnu Kathir (1998:263), Qutb (2003:2339), al-Maraghiy (2001:4320) dan al-Zuhayliy (2016:575), *لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ* merujuk pemilik akal yang bersih, sihat, jujur dan sekali gus meyakini dengan segala bukti yang terdapat dalam al-Qur'an tersebut menunjukkan Allah yang Maha Esa, Maha Pentadbir dan tiada Tuhan yang layak disembah melainkan-Nya.

Sedikit berbeza dengan al-Qurtubiy (2006:80) yang menyatakan bahawa orang yang berakal juga adalah mereka yang selalu dijadikan sandaran rujukan (*al-la zina yuntaha ila ra'yihim*) dan terdapat juga sebahagian ulama lain menyatakan *لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ* bermaksud akal yang melarang jiwa dari melakukan kejahatan. Hal ini juga dipersetujui oleh M.Quraish Shihab (2002:316), akal yang bersih sebenarnya berfungsi melarang dan menghalangi pemiliknya terjerumus dalam kesusahan dan kejahatan. Sebenarnya kedua-dua maksud orang yang berakal ini tidak bertentangan. Malah menunjukkan fungsi sebenar akal yang diberikan pada manusia.

Menurut Maad Ahmad, Muhammad Yosef Niteh dan Mohd Rofaizal Ibhram (2017), akal mempunyai nilai dan kedudukan yang sangat tinggi dalam pandangan alam Islam. Akal bukan sahaja perlu digunakan bagi merenung ciptaan Allah SWT melalui wahyu-Nya tetapi menjadi syarat utama yang ada pada manusia untuk menerima taklif pensyariatkan halal dan haram seperti yang dijelaskan dalam firman berikut yang bermaksud:

“Dan Allah menurunkan hujan dari langit, lalu Ia menghidupkan dengan air hujan itu akan bumi sesudah matinya; sesungguhnya pada yang demikian itu terdapat satu tanda kekuasaan-Nya bagi kaum yang mendengar. Dan sesungguhnya pada binatang-binatang ternak itu, kamu beroleh pengajaran. Kami beri minum kepadamu dari apa yang terbit dari dalam perutnya, yang lahir dari antara hampas makanan dengan darah; iaitu susu yang bersih, yang mudah diminum, lagi sedap rasanya bagi orang yang meminumnya. Dan dari buah kurma dan anggur, kamu buat minuman yang memabukkan dan rezeki yang baik. Sungguh pada demikian itu terdapat benar-benar terdapat tanda (kebesaran Allah SWT) bagi orang yang mengerti (berakal). Dan Tuhanmu mewahyukan kepada lebah: Hendaklah engkau membuat sarangmu digunung-ganang dan di pokok-pokok, dan dari apa yang mereka dirikan. Kemudian makanlah dari segala jenis buah-buahan, serta turutlah jalan-jalan peraturan Tuhanmu yang diilhamkan dan dimudahkannya kepadamu. Akan keluarlah dari badannya minuman (madu) yang berlainan warnanya, yang mengandungi penawar bagi manusia. Sesungguhnya yang demikian itu, ada tanda kekuasaan-Nya bagi orang yang berfikir” (al-Nahl, 16:65-69).

Umumnya, kesemuanya ayat ini adalah berkenaan rezeki halal yang dikurniakan Allah SWT kepada manusia. Antaranya air hujan, binatang ternak, susu, buah kurma dan anggur, madu dan lain-lain. Sumber rezeki ini berbentuk rantaian dan saling melengkapi. Menurut Abu Bakar al Warraq manusia perlu memahami bahawa diciptakan binatang ternak adalah untuk manfaat dan kepentingan kepada manusia itu sendiri. (Al-Qurtubiy, 2006:350). Kesemua makhluk mendapat rezeki daripada Allah SWT. Dari langit turun ke bumi dan seterusnya beri manfaat bukan sahaja pada manusia tetapi juga kepada tumbuh-tumbuhan dan haiwan. Terdapat tiga lafaz yang menjadi perhatian para ulama tafsir dalam ayat ini iaitu *لَقَوْمٍ يَسْمَعُونَ* (bagi orang yang mendengar), *لَقَوْمٍ يَعْقِلُونَ* (bagi orang yang berakal) dan *لَقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ* (bagi orang yang berfikir).

Menurut Ibn Kathir (1998d:498), al-Qurtubiy (2006:350) dan al-Zuhayliy (2016:474), surah al-Nahl (16:65) bermaksud Allah SWT yang menurunkan air hujan bagi menghidupkan bumi dengan tanaman dan mengeluarkan buah-buahan darinya. Setelah sebelumnya bumi kering dan gersang. Maksud air yang menghidupkan bumi ini diperincikan lagi dalam hadis Rasulullah SAW yang bermaksud:

“Diriwayatkan daripada Abu Musa r.a katanya: Rasulullah SAW bersabda: Perumpamaan Allah Azza Wa Jalla mengutusku menyampaikan petunjuk dan ilmu adalah seperti titisan hujan yang telah membasahi bumi. Manakala bumi tersebut sebahagian tanahnya ada yang subur sehingga dapat menyerap air serta menumbuhkan rumput dan sebahagian lagi merupakan tanah-tanah keras yang dapat menahan air. Lalu Allah SWT memberi manfaat kepada manusia sehingga mereka dapat meneguk air, memberi minum dan menggemala ternakannya di tempat itu. Ada juga titisan air hujan tersebut jatuh ke tanah yang lain, iaitu tanah yang gersang yang sama sekali tidak dapat menahan air dan tidak dapat menumbuhkan rumput-rumput. Manakala semua itu adalah perumpamaan orang yang bijak pandai tentang agama Allah SWT dan memanfaatkannya setelah aku diutus oleh Allah SWT. Maka dia belajar dan mengajar apa-apa yang diketahuinya dan juga perumpamaan orang yang keras kepala yang tidak mahu menerima petunjuk Allah SWT yang kerana-Nya aku diutuskan” (Riwayat Muslim, No Hadis. 4232).

Elemen air sebenarnya menjadi sumber utama bagi kehidupan di bumi yang boleh menghidupkan apa yang telah mati dan seterusnya menghasilkan pelbagai jenis makanan bagi manfaat makhluk. Bagi orang yang beriman, dalil ini menjadi bukti kekuasaan dan KeEsaan Allah SWT terutama bagi mereka yang ‘mendengar’ seperti yang dinyatakan dalam ayat al-Nahl (16:65) yang diakhiri dengan lafaz *لَقَوْمٍ يَعْقِلُونَ* (bagi orang yang berakal). Lafaz tersebut bermaksud mereka yang mendengar dengan penuh kefahaman dan bukanlah mendengar semata-mata seperti haiwan (al-Maraghiy, 2001:3788). Dalam pada itu al-Tabariy (2001:269) pula menambah, kaum yang mendengar merupakan mereka yang merenungkannya, memikirkannya dan seterusnya mentaati Allah SWT berdasarkan setiap dalil yang ditemui.

Dalam ayat al-Nahl (16:67) pula, Allah SWT menerangkan perihal buah kurma dan anggur yang boleh dijadikan minuman yang halal. Namun ada juga menjadikannya minuman yang memabukkan dan hukumnya bertukar haram. Jelas, setiap rezeki yang halal menjadi tanggungjawab manusia sama ada memanfaatkan atau memudaratkan kembali kepada manusia. Hal ini disebabkan minuman yang memabukkan itu merosakkan akal. Sebab itu ayat ini diakhiri dengan lafaz *لَقَوْمٍ يَعْقِلُونَ* (bagi orang yang berakal) yang bermaksud bagi orang-orang yang berakal. Ibn Kathir (1998:498) dan al-Zuhayliy (2009:491) menjelaskan bahawa akal merupakan bahagian termulia pada tubuh manusia. Maka, minuman yang memabukkan dilarang bertujuan melindungi akal manusia. Sama seperti ‘kaum yang mendengar’ yang dijelaskan sebelum ini, ‘kaum yang berakal’ juga dianggap mereka yang menggunakan akal bagi memikirkan dan meneliti dalil-dalil Allah SWT (al-Syawkaniy, 2007:788-789).

Seterusnya kaum lain yang diangkat oleh Allah SWT dalam ayat berikutnya adalah merujuk *لَقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ* (bagi orang yang berfikir). Ayat al-Nahl (16:69) pula menjelaskan kisah lebah yang diberi ilham oleh Allah SWT bagi mendapatkan madu. Kisah lebah ini merupakan hal yang menakjubkan kerana lebah berfungsi dengan hebat, cermat dan teliti untuk bekerja bagi mengumpul madu. Madu yang dihasilkan bukan sahaja boleh dijadikan minuman tetapi sebagai penawar dan penyembuh penyakit manusia (al-Tabariy, 2001:288; al-Zuhayliy, 2009:489-491). Maka, ‘kaum yang berfikir’ memerlukan lebih pemerhatian dan penelitian yang mendalam bagi memahami ciptaan Allah SWT berkenaan lebah dan madu.

Berdasarkan semua ayat al-Nahl (16:65-69) tersebut, lafaz mendengar, berfikir dan berakal merupakan tiga elemen penting bagi mentaakul hakikat kejadian alam tabii khususnya dalam perihal sumber rezeki yang halal untuk manusia. Ketiga-tiga elemen ini juga merupakan aktiviti penting dalam falsafah sains halal. Natijahnya, dapat memahami sebaik mungkin tujuan setiap apa yang dikurniakan oleh Allah SWT seterusnya mengambil manfaat. Menurut Yusof Othman (2017:107) dan Maad Ahmad, Muhammad Yusef Niteh dan



Mohd Rofaizal Ibrahim (2017), manusia memerlukan akal untuk berfikir dan hati (*qalb*) untuk memberikan makna kepada apa yang dilihat dan didengar oleh mereka.

Akal yang berfungsi untuk berfikir hanya dapat dilakukan setelah mata yang melihat dan telinga yang mendengar. Seterusnya hati yang boleh memahami wahyu Allah SWT tersebut. Konsep ini sebenarnya telah dijelaskan dalam ayat berikut yang bermaksud:

“Dan sesungguhnya Kami jadikan untuk (isi) neraka jahanam kebanyakan dari jin dan manusia yang mempunyai hati (tetapi) tidak mahu memahami dengannya, dan mempunyai mata (tetapi) tidak mahu melihat dengannya, dan mempunyai telinga (tetapi) tidak mahu mendengar dengannya; mereka itu seperti binatang ternak, bahkan mereka lebih sesat lagi; mereka itulah orang yang lalai” (al-A‘raf, 7:179).

Berdasarkan analisis yang telah dilakukan, wahyu merupakan satu kekuatan sebagai sumber rujukan dalam sains halal. Walaupun tidak terdapat tafsir secara terperinci mengenai wahyu Allah SWT sebagai hakikat ilmu namun kedudukan serta peranannya tidak dapat dinafikan. Terdapat empat perkara utama yang telah dikenal pasti melalui tema ini. Pertama, peranan Rasulullah SAW dalam menyampaikan wahyu Allah SWT kepada manusia adalah sangat penting terutamanya dalam mengguna dan mendapatkan rezeki yang halal. Terdapat keterbatasan akal manusia yang memerlukan wahyu Allah SWT dan dipandu oleh Rasulullah SAW. Kedua, pada wahyu Allah SWT terdapat padanya panduan yang mengeluarkan manusia daripada pengaruh jahiliah dan menjadikan kehidupan manusia lebih baik. Ketiga, dalam al-Qur’an terdapat pelbagai sumber hukum dan penetapan yang wajib ke atas manusia mematuhi serta beriman dengannya. Penetapan tersebut juga merangkumi pelbagai bidang sesuai dengan keperluan manusia termasuklah bidang falsafah sains halal; dan keempat; akal dan hati merupakan alat yang digunakan bagi memahami wahyu Allah SWT.

#### 5.4 Aplikasi Analisis Ayat Al-Qur’an Terpilih Mengenai Epistemologi Sains Halal

Epistemologi merupakan salah satu elemen yang membezakan sains halal dengan sains moden. Kedua-keduanya menggunakan kajian saintifik, tetapi epistemologi yang membezakan sumber rujukan dalam kajian sains tersebut. Dalam epistemologi sains halal, wahyu merupakan sumber ilmu utamanya.

Keyakinan al-Qur’an sebagai sumber ilmu utama umat Islam adalah sangat berkait dengan rukun iman. Mempercayai dengan bersungguh-sungguh merupakan akhlak sejati orang Islam. Kepercayaan juga perlu dibuktikan dengan tindakan (Mohd Yusof Othman, 2017:68). Oleh itu, penting khasnya para ahli sains halal atau mereka yang terlibat secara tidak langsung dengan kajian sains halal, meletakkan kefahaman al-Qur’an yang tertinggi dan seterusnya memberi kesan rumusan akhir kajian sains yang dilakukan. Ahli usul *fiqh* pula memastikan bahawa hasil kajian berada di trek yang sebenarnya.

Al-Qur’an diturunkan sebagai sumber informasi yang luar biasa dan berhubung dengan baik antara alam fizikal dengan ghaib. Al-Qur’an menjadi pusat perhatian, penelitian, pengkajian dan perenungan para sarjana dan hasilkan pelbagai disiplin ilmu. Amat penting bagi mengintegrasikan ilmu naqli dan ‘*aqli*

Terdapat keperluan terhadap mengintegrasikan ilmu naqli dan ‘*aqli* dalam epistemologi sains halal. Jika tidak, perbincangan dalam sains halal tidak menyeluruh dan seimbang. Memahami epistemologi ilmu sains halal dengan sebenarnya dapat mengintegrasikan ilmu *naqli* dengan ‘*aqli* seharmonis mungkin untuk membina tasawur Islami. Hal ini bagi memberi makna dalam kehidupan sekali gus mendekatkan manusia dengan Allah SWT (Sidek Baba, 2016). Ilmu dalam al-Qur’an juga bermaksud *ulu al-‘ilm* (ilmuwan), *ma‘rifat* (mengetahui), hikmah (kebijaksanaan), *fikr* (fikir), *ulu al-bab* (ahli ilmu) dan *ulu al-absar* (Syed Muhammad Dawilah Al-Edrus, 1993:3 dan Yahaya Jusoh & Azhar Muhammad, 2012:7). Dalam al-Qur’an sendiri terdapat 854 kali perkataan *al-‘ilm*. Menunjukkan bahawa al-Qur’an sangat mementingkan ilmu pengetahuan dan semua aktiviti yang berkaitan dengan ilmu. Terdapat keseimbangan antara kegiatan, daya usaha atau inisiatif mencari ilmu pengetahuan (*ta‘lamun*) dan mempraktikkannya (*al-‘alim*) (Zainorah Kadri, 2015:308). Dapatlah dirumuskan bahawa dalam sains halal, al-Qur’an dan hadis merupakan induk ilmu. Kedua-duanya merupakan asas kepada penentuan hukum atau penjelasan mengenai halal dan haram terhadap sesebuah produk. Hal ini kerana wahyu Allah SWT sifatnya mutlak dan berpaksikan kepada prinsip tauhid. Manakala syariah pula sebagai neraca perbincangan hukum *fiqh*. Namun, Islam tetap mengiktiraf keperluan sains sebagai sumber sokongan yang terdapat padanya dalil ‘*aqli* dan pengalaman manusia sebagai salah satu daripada asas aktiviti sains.

## 6.0 KESIMPULAN

Justeru, adalah menjadi tanggungjawabnya ahli sains, ahli akademik, para ilmuwan lain dan masyarakat sendiri yang terlibat dalam sains halal supaya terus berusaha mendapatkan ilmu pengetahuan di samping menyedari hakikat dan kebenaran wahyu yang merupakan kebenaran tertinggi. Walaupun kaedah kajian saintifik yang bersifat ‘*aqli* yang merupakan perbincangan yang penting dalam sains halal namun, ia harus sepadu dan berpandukan naqli iaitu wahyu Allah SWT. Kesepaduan ilmu ini boleh diterjemahkan kepada kerjasama antara pakar dalam bidang sains halal. Seterusnya kerjasama antara pemain industri sains halal dengan para ilmuwan dan akhir sekali kerjasama pelbagai pihak dalam mendidik masyarakat

### Rujukan

- Abd. Rahman Abdullah. (2010). *Wacana falsafah sains, sejarah dan pemikiran. Pulau pinang: Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), USM.*
- Al-Fayruz‘abadiy, Abu Tahir bin Ya‘qub .(2011a). Tafsir Ibnu ‘Abbas Jilid 1 (Terj. Ubaidillah Saiful Akhyar. Selangor: Al-Hidayah House Of al-Quran Sdn Bhd
- Alias Azhar. (2010). Faktor pembangunan dan kemunduran pengajian sains Islam silam. *Jurnal Hadhari* Bil. 3. Hlm 43-59

- Al-Maraghiy, Ahmad Mustafa. (2001a). Tafsir al-Maraghiy Jilid 1 (Terj. Muhammad Talib: Tafsir al-Maraghiy). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka
- Al-Qurtubiy, Abu 'Abd Allah Muhammad bin Ahmad al-Ansariy. (2008). Tafsir al-Qurthubi (Terj. Fathurrahman, Nashiulhaq dan M.Ikbal Kadir). Jakarta: Pustaka Azzam
- Al-Syawkaniy, Muhammad bin 'Ali bin Muhammad. (2008a). *Tafsir fathul qadir Jilid 4* (Terj. Ahsan Askan. Jakarta: Pustaka Azzam)
- Al-Tabariy, Abi Ja'far Muhammad bin Jarir. (2009a). *Tafsir Ath-Thabari* Jilid 1-11 (Terj. Ahsan Askan). Jakarta: Pustaka Azzam
- Anis Najiha & W.A. Wan Nadiah (2014). Alkohol (arak dan etanol) dalam makanan halal. *Jurnal Intelek*. Vol 9(1). Hlm 40-51
- Arief Sallah Rosman & Aemy Liza Minhat. (2012, t.t). Konsep halal dan toyyib menurut al-Quran: Kajian tematik terhadap kitab tafsir at-tobari dan al-qurtubi. Kertas kerja yang dibentangkan di 1st World Conference On Islamic Thought and Civilization. Anjuran Kolej Universiti Islam Sultan Azlan Shah.
- Az-Zuhaili, Wahbah az-Zuhaili (2016). *Tafsir al-Munir Jilid 5* (Terj. Abdul Hayyie al-Kattani, Mujiburrahman Subadi dan Muhammad Mukhlisin). Jakarta: Gema Insani
- Cemil Akdogan. (2008). Sains dalam Islam dan Barat. Dlm. Baharudin Ahmad. *Falsafah Sains dari Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Danial Zainal Abidin. (2003). *Perubatan Islam dan bukti sains moden edisi ke-2*. Bentong: PTS Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Danial Zainal Abidin. (2003). *Perubatan Islam dan bukti sains moden edisi ke-2*. Bentong: PTS Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Danial Zainal Abidin. (2014). *Quran saintifik edisi kemaskini*. Batu Cave: PTS Millinnea Sdn Bhd.
- Hamka. (1990). *Tafsir al-Azhar*. Singapura: Pustaka Nasional PTE. LTD.
- Harlida Abdul Wahab & Alias Azhar. (2014). Halalan tayyiban dalam kerangka perundangan Malaysia. *Makalah*. Jun, 26 KANUN (1).103-120.
- Harun Yahya. (2001). *Miracles of the Qur'an*. Canada: Al-Attique Publisher Inc. Canada
- Ibn Kathir. (2008a). *Tafsir Ibnu Kathir*. Terj. M. Abdul Ghoffar E.M. Jilid 1-8. Indonesia: Penerbit Pustaka Imam Asy Syafie
- Ibrahim Abu Bakar (2017). *Falsafah dan klasifikasi ilmu*. Dlm. Ahmad Sunawari Long (ed). Falsafah Ibnu Khaldun. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan dan Buku Malaysia
- Latifah Amin, Siti Fairuz Sujak, Abdul Latif Samian et al. (2011). Pendekatan Islam dalam memahami percanggahan manfaat dan risiko bioteknologi moden tumbuhan. *Jurnal Hadhari* 3 (2).1-22.
- Lokman Ab. Rahman. (2013). *Saintis dan halal*. Diakses dari <http://www.pehma.org.my/artikel/101-saintis-dan-halal.html> Pada Tarikh 19 April 2016
- M. Quraish Shihab (2003a). *Tafsir al-Misbah pesan, kesan dan keserasian al-Qur'an*, Jilid 5. Jakarta: Penerbit Lentera Hari.
- Mat Rofa Ismail. (2006). Falsafah sains pendekatan kualitatif. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Maurice Bucaille. (1997). *The Qur'an and the modern science*. Saudi Arabia: Internation Islamic In Publishing House. Media Komputindo.
- Mohamed Tawfik. (2008). *The Quran and the modern science. picture illustrated science from the Quran*. Bloomington: AuthorHouse
- Mohammad Aizat Jamaluddin & Mohd Anuar Ramli. (2013, November). Aplikasi istihalah dalam industri halal semasa. Kertas Kerja yang dibentangkan di *Seminar Pendekatan Istihalah Dalam Produk yang Berunsurkan Babi*. Anjuran Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang dengan kerjasama Universiti Teknologi Mara Pulau Pinang.
- Noor Hisham Md Nawawi dan Nurul Hudaini Md Nawawi (2017). *Wacana falsafah ilmu dinamika dan perspektif*. Kota Baharu: Penerbit Universiti Malaysia Kelantan
- Nurrulhidayah A. Fadzillillah, Yaakob Che Man et. al (2012). The contribution of science and technology in determining the permissibility (halalness) of food products. *Revelationand Science Journal*.Vol. 02, No.01. 1-8
- Osman Bakar. (2008b). Mewujudkan tamadun ilmu berdasarkan tauhid. Dlm. Baharudin Ahmad (ed). *Falsafah Sains Dari Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Qutb, Sayid. (2001). *Tafsir fi zilalil qur'an di bawah bayangan al-Qur'an* (Terj. Yusoff Zaky Yacob). Kota Bharu: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd.
- Ramli Awang. (2003). Falsafah sains dan pembangunan ke arah dimensi baru. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Ramli Awang. (2003). Falsafah sains dan pembangunan ke arah dimensi baru. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Saadman Man & Zainal Abidin Yahya. (2014). Halalkah makanan kita?. Selangor: PTS Islamika Sdn Bhd
- Saadman Man. (2012). Darurat ubat daripada babi: sampai bila?. Dalam Norkumala Awang (ed). *Bila Babi Bukan Babi Analisis Awal*. Kuala Lumpur: Penerbit IKIM
- Seyyed Hossein Nasr. (2008). Islam dan sains moden. Dlm Baharudin Ahmad (ed). *Falsafah sains dari perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syed Muhammad Naquib Al-Attas. (2007). *Tinjauan ringkas peri ilmu dan pandangan alam*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Syed Muhammad Naquib al-Attas. (2011). Islam and the philosophy of science. prolegomena to the metaphysics of Islam; An exposition of the fundamental elements of the worldview of Islam. Vol. Hlm 111-142
- Yusuf al-Qaradhawi (2015). *Halal dan haram dalam Islam*. Terj. Zulkifli Mohamad Al-Bakri. Nilai: Pustaka Cahaya Kasturi Sdn Bhd.
- Zakir Naik (2014). *The Qur'an and modern science. Compatible or incompatible?* (t.t): Darussalam
- Ziauddin Sardar (1992). *Hujah sains Islam*. Terj. Abdul Latif Samian. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Zulkifli Mohamad al-Bakri (2007a). *Pilih makanan yang halal lagi baik*. Diakses dari <http://zulkifli.albakri.blogspot.my/search?q=halal> Pada 28 September 2016